# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 12 OKTOBER 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | TAK KE KEBUN BADAN LEMAH, LOKAL, HM -21 | JABATAN PERTANIAN (DOA) |
| 2.<br>3.<br>4.<br>5. | PAK TAM MILIKI KANTUNG SUSU, LOKAL, HM -12<br>BIMBANG KEHADIRAN GAJAH LIAR, NASIONAL, SH -20<br>22 TRAKTOR BERNILAI RM3.45 JUTA UNTUK PETANI PAHANG, NEGARA, KOSMO -16<br>PAHANG SUMBANG 22 TRAKTOR BERNILAI RM3.45 JUTA, NEGERI PAHANG, SH -23 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |



KAMARIAH menunjukkan kacang tanah yang ditanamnya.



10 NENEK AKTIF BERKEBUN

# 'Tak ke kebun badan lemah'

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

**Kuala Berang**

Walaupun sudah menjangkau usia emas, namun sekumpulan wanita di Kampung Pueh di sini, masih gigih melakukan aktiviti berkebun setiap hari.

Zainab A Rahman, 74, berkata, dia mula berkebun sejak usianya 15 tahun dan pekerjaan itu dilakukannya hingga kini.

Selain itu, terdapat 10 wanita warga emas di kampungnya itu yang masih aktif berkebun.

Menurutnya yang turut berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT) sebagai petani berdaftar berkata, dia mengusahakan pelbagai tanaman antaranya jagung, kacang tanah dan ubi di atas tanah berkeluasan kira-kira 0.1 hektar.

"Kalau tidak ke kebun badan akan rasa lemah dan tonik untuk berasa lebih sihat saya akan pastikan turun ke kebun setiap hari.

"Walaupun sudah menjangkau usia emas dan ramai kawan-kawan sudah memilih untuk berehat di rumah namun bagi saya berkebun merupakan aktiviti yang sihat," kata yang mempunyai enam anak, 11 cucu dan seorang cicit.

Menurutnya, bukan wang yang dikejar namun pekerjaan yang dilakukan sekian lama amat susah untuk ditinggalkan selain keadaan kesihatan masih mengizinkan.

Katanya, berkecimpung dalam bidang pertanian ini sama juga dengan bidang lain tidak terlepas daripada masalah dan ancaman utama bagi pekerjaannya adalah makhluk perosak seperti kera dan beruk.

Rakannya, Zainab Omar, 69, berkata, dia berkebun sejak berusia usia 12 tahun yang mana ketika itu dia mengikuti kedua ibu bapanya yang melakukan kerja menanam padi.

"Anak sememangnya tidak membenarkan saya berkebun lagi namun pertanian dan berkebun ini sudah sebati dalam kehidupan saya.

"Kalau sehari tidak melihat kebun rasa macam ada yang tidak kena, itu yang membuatkan saya sukar untuk meninggalkannya.

"Insya-Allah selagi dikurniakan kesihatan yang baik saya akan terus berkebun kerana selain satu pekerjaan aktiviti bercucuk tanam ini adalah minat saya," katanya ibu kepada 11 cahaya mata, 20 orang cucu dan dua cicit.



ZAINAB bersama Zainab Omar (kanan) melihat kebun yang diusahakan mereka di Kampung Pueh. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

Menurutnya, aktiviti berkebun dapat menyegar dan menyihatkan badan kerana ia banyak mengeluarkan peluh selain pergerakan badan.

Seorang lagi pekebun, Kamariah Ahmad, 67, berkata, dia mengusahakan kebun sejak lebih 30 tahun lalu di tanah berkeluasan 0.2 hektar dengan menanam tanaman seperti kacang tanah dan sayuran-sayuran.

"Memandangkan faktor usia, saya kini akan habiskan masa antara dua hingga tiga jam saja setiap hari di kebun.

"Syukur walaupun sudah berusia namun kudrat masih ada untuk saya berkebun dan aktiviti berkebun dapat mengisi masa lapang dan menjana sedikit pendapatan," katanya yang mempunyai sembilan anak dan 13 orang cucu.

Menurutnya, semua anaknya sememangnya tidak membenarkannya untuk berkebun lagi namun melihat kesungguhannya setiap hari ke kebun membuatkan anak-anaknya akur selain kedudukan kebunnya hanya di hadapan rumah.

Katanya, aktiviti berkebun dapat menyihatkan badan selain seronok melihat sayuran yang ditanam mengeluarkan hasil.

Kamariah yang juga pekebun berdaftar dengan JPNT berkata, secara tidak langsung hasil pertanian yang dikeluarkan dapat menyumbang kepada rantaian makanan di dalam daerah dan negeri ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 12 |

# Pak Tam miliki kantung susu

## *Pemilik kambing jantan ditawarkan pada harga RM13,000 kerana keunikan dimiliki*

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

**Kuala Terengganu**

Seekor kambing jantan ditawar untuk dibeli seorang individu pada harga RM13,000 kerana keunikannya yang mempunyai kantung susu.

Pemiliknya, Mohd Aidil Azreen Alias, 30, dari Kampung Tok Dir di sini, berkata, kambing yang diberi nama Pak Tam ditawarkan pada harga yang tinggi kerana keunikannya mampu mengeluarkan susu seperti kambing betina.

Menurutnya, pada mulanya dia sendiri tidak tahu kantung di perut kambing itu kantung susu.

Katanya, dia kemudian meminta pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) membuangnya kerana menyangkakan ia ketumbuhan.

"Namun pegawai agensi itu memaklumkan kantung terbabit kantung susu dan bukannya ketumbuhan.

"Jadi Pak Tam ini amat unik kerana bukan semua kambing jantan mempunyai kantung susu," katanya.

Menurutnya, Pak Tam antara ternakan dimilikinya ketika ini selepas memulakan penternakan dengan bermodalkan RM6,000 ketika mula menternak seekor lembu baka Charolais kira-kira lima tahun lalu.

Katanya, sebelum berkecimpung dalam dunia ternakan dia hanya melakukan kerja membawa lori dan jentera.

Menurutnya, melihat kepada prospek penternak yang jauh lebih menguntungkan dia mengambil langkah drastik menceburi bidang berkenaan bersama dua lagi adiknya.

"Bermula dengan lembu sado dibeli dengan harga RM6,000 dan beberapa bulan kemudian saya membuat pelaburan membeli dua lagi lembu bernilai RM17,000 sebagai permulaan.

"Memandangkan harga dedak lembu semakin meningkat, saya mengambil keputusan menjual 20 ekor lembu baka Charolais dan menternak kambing baka Jamlo secara serius sejak bulan April lalu," katanya.



MOHD Aidil memegang kantung susu seekor kambing jantan miliknya. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

Menurutnya, dua adiknya, Muhammad Amirul Ashraf, 28 dan Muhammad Aliff Aizan, 22, merupakan tulang belakang baginya dalam pelbagai urusan berkaitan ternakan yang diusahakan.

Katanya, hingga kini dia mempunyai 27 ekor kambing baka Jamlo dianggarkan bernilai RM150,000, tujuh ekor lembu baka Charolais dan 25 kerbau.

Mohd Aidil berkata, tiga ekor induk jantan ditawar harga bernilai RM35,000, manakala anak kambing baka itu yang berusia dua bulan pula paling rendah dijual dengan harga RM3,000 seekor dan yang berusia tiga bulan pula boleh mencecah hingga RM7,000 seekor.

Menurutnya, harga seekor kambing baka sebenarnya bergantung kepada spesifikasi kambing itu sendiri yang membuatkan nilainya menjadi tinggi.

Katanya, kos menternak kambing tidak tinggi seperti lembu kerana bagi keseluruhan kambing diternaknya kini memerlukan kos dedak sebanyak RM900 sahaja.

"Saya turut menyediakan rumput, daun mahang, balik angin dan sisik puyu sebagai makanan tambahan kambing diternak," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 20 |

# Bimbang kehadiran gajah liar

Kehadiran gajah liar di daerah Kluang antaranya di beberapa buah kampung di Jalan Mersing- Kluang dan Taman Sri Impian cukup meresahkan penduduk.

Bukan sahaja mengancam keselamatan tetapi haiwan ini turut merosakkan tanaman yang diusahakan penduduk.

Menerusi Apa Khabar Rakyat minggu ini, ikuti laporan wartawan *Sinar Harian*, Nor Azura Md Amin menyelami luahan penduduk dan penternak yang berdepan ancaman gajah.



Pagar ladang ternakan yang dirosakkan gajah.



Sri Dewi menunjukkan pokok bersebelahan rumahnya di Kampung Sri Timur yang pernah dirosakkan gajah liar.

## Pagar rumah, tanaman penduduk dirosakkan haiwan itu yang memasuki kawasan penempatan

**KLUANG**

Lebih 200 penduduk sekitar Kampung Sri Timur dan Kampung Ilham di sini bimbang angkara gajah liar memasuki kawasan penempatan dan merosakkan hasil tanaman seperti buah-buahan dan kelapa sawit.

Kebimbangan penduduk itu semakin memuncak apabila kehadiran seekor gajah liar di laluan ke Kampung Sri Timur pada Jun lalu, berjaya dirakam dan tular di media sosial.

Penduduk Kampung Sri Timur, Sri Dewi Abu, 49 berkata, kehadiran gajah kebiasaannya berlaku ketika musim buah pada pertengahan tahun.

"Dahulu gajah hanya berlegar di kawasan kebun atau hutan berdekatan.

"Tetapi sekarang, gajah semakin berani merosakkan tanaman diusahakan penduduk seperti pisang dengan mencabut umbutnya.

"Walaupun kehadirannya tidak melibatkan jumlah yang banyak, iaitu cuma seekor dua, namun ia tetap menakutkan penduduk. Selain itu haiwan ini juga sudah berani mendekati rumah penduduk," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Dalam pada itu, penduduk Kampung Ilham, Yusof Sayuti, 79, memberitahu, kehadiran gajah di sekitar kawasan rumahnya pada pertengahan tahun menyebabkan pagar rumah dan tanaman rosak.

"Dahulu tepi rumah tanam pokok pisang dan pandan. Sekarang tidak boleh. Kalau ada pokok buah habis dirosakkan gajah. Begitu juga dengan pagar rumah saya, juga pernah dirosakkan.

"Kebiasaannya gajah datang pada waktu malam. Walaupun sedar yang datang itu gajah, tetapi tidak boleh berbuat apa-apa, yang penting jangan kacau, takut kejadian lebih teruk akan berlaku sekiranya gajah dikacau," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Sri Lambak, Jaafar Kartubi memberitahu, selain Kampung Sri Timur dan Kampung Ilham, terdapat dua lagi kampung di dalam rangkaian Kampung Sri Lambak Mukim Kluang iaitu Kampung Haji Jaafar dan Kampung Sri Cahaya Baru.

"Gajah liar biasanya merosakkan tanaman penduduk yang ditanam di sekitar kawasan rumah mereka. Malah ada juga pagar rumah penduduk yang dirosakkan.

"Aduan berkenaan masalah ini sudah dipanjangkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) serta Pejabat Daerah. Penduduk juga kini lebih berhati-hati dengan tidak mengganggu gajah dengan membaling objek jika terserempak dengan haiwan itu," katanya.



JAAFAR

Sementara itu, penternak lembu di Batu 14 Jalan Mersing di sini, Aqim Marzuki, 33, berkata, selain merosakkan struktur pagar ladang, kumpulan gajah berkenaan turut memusnahkan tanaman pelbagai jenis rumput seperti napier dan guinea dianggarkan seluas 80 hektar.

Katanya, akibat pencerobohan kumpulan gajah liar berkenaan sejak lima tahun lalu, kerugian yang dialami dianggarkan mencecah RM200,000.

"Sejak awal tahun, pencerobohan gajah semakin kerap berlaku sehingga boleh dikatakan hampir setiap bulan, gajah akan muncul dan rosakkan ladang.

"Sebelum ini memang sudah ada pencerobohan gajah, tetapi dahulu kira-kira empat kali setahun. Namun kini isu pencerobohan gajah di kawasan ladang agak serius," katanya.

Jelasnya, masalah berkenaan telah diadukan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk tindakan.

"Lebih mengejutkan, kehadiran gajah liar bukan sahaja pada waktu malam, malah turut berlaku pada waktu siang kemungkinan disebabkan untuk mencari makanan.

"Apabila kawasan pagar sekeliling termasuk pagar elektrik dirosakkan gajah, sudah tentu saya risau ternakan seperti lembu dan kambing di sini akan terjejas

"Pencerobohan gajah liar ini turut menyebabkan pekerja ladang bimbang dengan keselamatan mereka," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# 22 traktor bernilai RM3.45 juta untuk petani Pahang

**KUANTAN** – Prihatin dengan kesukaran golongan petani mendapatkan traktor, kerajaan negeri Pahang menyumbang 22 buah jentera pertanian berkenaan bernilai RM3.45 juta.

Dua buah traktor diagihkan masing-masing ke 10 buah daerah kecuali Cameron Highlands, manakala dua buah lagi akan diserahkan kepada Jabatan Pertanian Negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, penyerahan itu atas dasar keprihatinan kerajaan negeri yang mendapati golongan petani sukar untuk mendapatkan kemudahan traktor.

"Pejabat pertanian di setiap daerah akan menyewakan traktor ini pada kadar murah kerana jentera ini juga perlu diselenggara.

"Mereka (petani) juga bersetuju dengan tindakan kerajaan negeri kerana bukan sahaja kemudahan traktor ini sukar untuk diperolehi, malah kadar sewanya juga tinggi," katanya pada Majlis Penyerahan Jentera (Traktor) kdi pekarangan DUN Sri Wisma Pahang, di sini semalam.

> Pejabat pertanian di setiap daerah akan menyewakan traktor ini pada kadar murah kerana jentera ini juga perlu diselenggara."
>
> **WAN ROSDY**

Menurut Wan Rosdy, petani boleh mengemukakan permohonan untuk menyewa traktor berkenaan di pejabat pertanian daerah masing-masing.

"Saya harap traktor ini dapat dijaga dengan baik. Jika kerajaan negeri memiliki kewangan yang baik tidak mustahil kita akan tambah lagi satu atau dua.

"Kita tengok kepada keadaan kerana ini adalah julung kali berlaku, belum pernah lagi kita sewakan traktor dari kerajaan negeri yang disumbangkan kepada Pejabat Pertanian," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI PAHANG | 23 |

# Pahang sumbang 22 traktor bernilai RM3.45 juta

**KUANTAN** - Kerajaan Pahang membelanjakan RM3.45 juta bagi membeli 22 traktor untuk disumbangkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Pahang bagi kegunaan petani di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, 22 traktor itu diserahkan di 10 daerah di Pahang dan jentera tersebut akan diuruskan sepenuhnya oleh Pejabat Pertanian.

"Setiap daerah akan mendapat dua traktor kecuali Cameron Highlands manakala dua lagi akan diserahkan kepada Jabatan Pertanian Negeri. Kita harap traktor ini dapat dijaga dengan baik.

"Pemberian traktor ini menunjukkan kecaknaan dan keprihatinan kerajaan Pahang terhadap petani yang berdepan dengan masalah kesukaran untuk mendapatkan kemudahan traktor," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Jentera (Traktor) di Wisma Sri Pahang, di sini pada Selasa.

Jelas Wan Rosdy, Pejabat Pertanian akan mengenakan kadar sewa yang sangat murah kepada petani yang ingin menggunakan kemudahan traktor.

"Kadar sewa ini dikenakan kerana traktor ini memerlukan kos penyelenggaraan. Jadi, petani sudah bersetuju dengan penetapan kadar sewa.

"Kita yakin selepas ini petani boleh memohon dan insya-ALLAH, Jabatan Pertanian boleh meluluskan penggunaan traktor dalam masa terdekat," ujarnya.

Wan Rosdy memaklumkan, sekiranya kerajaan Pahang mempunyai kedudukan kewangan yang baik, tidak mustahil kemudahan ini akan ditambah.



**Wan Rosdy (duduk, dua dari kiri) menyempurnakan Majlis Penyerahan Jentera (Traktor) di Wisma Sri Pahang, Kuantan pada Selasa.**